

# Penderaan kanak-kanak makin serius

Kosmo (09/07/2021) MIS 03

Oleh ZAKKINA WATI  
AHMAD TARMIZI

**SEREMBAN** - Kes penderaan melibatkan kanak-kanak di negara ini semakin membimbangkan apabila sebanyak 2,040 kes dilaporkan hanya dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Jumlah itu bersamaan dengan 17 kes sehari, sekali gus memberi gambaran negatif mengenai tahap keprihatinan masyarakat dalam memastikan keselamatan kanak-kanak terus terjamin.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd. Harun, ibu bapa serta penjaga terlibat perlu lebih bertanggungjawab untuk memastikan anak-anak mereka tidak menjadi mangsa penderaan.

Katanya, ibu bapa dan penjaga juga diingatkan agar tidak menjadikan anak-anak mereka sebagai tempat melepaskan kemarahan, sekali pun ketika berdepan pelbagai masalah ketika ini.

"Dalam keadaan sekarang, pelbagai dugaan akan muncul antara kehilangan pekerjaan. Justeru, sebagai orang dewasa, mereka (ibu bapa dan penjaga) tidak patut menyalahkan anak-anak sehingga menjadikan golongan ini sebagai mangsa," katanya ketika ditemui pemberita di Taman Sinar Harapan, Tunku Ampuan Najihah, Temiang dekat sini semalam.

Beliau sebelum itu meluahkan masa melawat seorang kanak-kanak orang kelainan upaya (OKU) masalah sindrom



**RINA (kanan) melawat seorang kanak-kanak perempuan OKU di Taman Sinar Harapan, Tunku Ampuan Najihah di Temiang, Seremban semalam.**



**KERATAN Kosmo! 7 Julai 2021.**

Down yang melecur pada beberapa anggota badan disyaki akibat didera oleh penjaganya di sebuah kondominium yang dijadikan sebagai pusat penjagaan kanak-kanak di Wangsa Maju, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Rina berkata, kanak-kanak

merupakan individu yang tidak berdosa dan golongan ini sepatutnya disayangi dan bukannya diperlakukan sebegitu rupa.

"Sekiranya ada masalah, mana-mana individu boleh menghubungi talian kasih 15999 atau menyertai kumpulan sokongan. Peranan ahli keluarga juga penting bagi memastikan tidak berlakunya sebarang kes penderaan," katanya.

Mengulas mengenai kes penderaan kanak-kanak OKU berusia 13 tahun itu, beliau menjelaskan, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengambil intervensi atas perintah

mahkamah untuk memberhentikan hak kepada orang dan mereka yang layak bagi penjagaan kanak-kanak tersebut.

"Mangsa ketika ini berada di bawah penjagaan JKM dan kami akan terus memantau bukan sahaja dari segi kesihatan, malah dari aspek emosi kanak-kanak itu kerana saya mahu dia sihat seperti sedia kala.

"Saya juga difahamkan, mangsa telah berada di Taman Sinar Harapan ini sejak berusia tiga tahun dan dia kini telah kembali. Dia juga masih mengingati jururawat dan penjaga di sini dan mereka cuba mengembalikannya

## Kes dera kanak-kanak

- **11 Jun 2021** - Dua petugas sebuah taska di Selangor ditahan selepas mendera dua kanak-kanak dengan memukul kaki dan kepala mangsa menggunakan bantal dalam kejadian di sebuah taska yang terletak di dalam hospital.
- **5 Mei 2021** - Pasangan suami isteri yang juga pemilik tahfiz di sekitar Taman Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur dihadapkan ke Mahkamah Majistret Ampang atas tuduhan mencederakan lapan pelajar dengan menumbuk dan menampar muka mangsa.
- **19 Februari 2021** - Seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun maut dengan bahagian kemaluan dan anggota badannya mengalami kecederaan teruk selepas didera teman lelaki kepada ibunya di sebuah pangsapuri di Semenyih, Selangor.
- **31 Julai 2020** - Seorang kanak-kanak perempuan berusia setahun melecur pada anggota badan dipercayai akibat didera oleh seorang pengasuh warga Indonesia di sebuah kilang papan di Taman Klang Perdana, Klang, Selangor.

semangatnya," katanya.

Tambah Rina, pihaknya juga dimaklumkan bahawa status pusat jagaan kanak-kanak OKU di Wangsa Maju yang menempatkan mangsa sebelum ini masih dalam proses pendaftaran.

Kosmo! pada 7 Julai lalu melaporkan mengenai nasib seorang mangsa OKU yang melecur pada anggota badan dipercayai akibat didera penjaganya di sebuah kondominium di Wangsa Maju pada 24 Jun lalu.